



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**

**KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
*HANTU GANGSTER (2012)***

**NURHATIKAH BINTI AHMAD
2012969649**

**SARJANA MUDA
TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN)
SKRIN**

MAC 2016

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KRITIKAN SOSIAL DALAM FILEM
*HANTU GANGSTER (2012)***

NURHATIKAH BINTI AHMAD

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah
Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Skrin

Fakulti Filem, Teater dan Animasi

Mac 2016

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS PUCAK PERDANA
SHAH ALAM, SELANGOR**

SESI: MAC 2016 – JULAI 2016

DENGAN INI MENGESAHKAN

NURHATIKAH BINTI AHMAD

2012969649

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH
YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA AKADEMIK
FAKULTI**

TARIKH

.....

PENYELIA

ENCIK HARITH BAHARUDIN

.....

DEKAN

DATO' PROFESOR A. RAZAK HJ. MOHAIDEEN

.....

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya pihak lain yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan

Nama Pelajar : Nurhatikah binti Ahmad
No. Pelajar : 2012969649
Program : Skrin (FF223)
Fakulti : Filem, Teater dan Animasi
Tajuk Kajian/Projek : Kritikan Sosial dalam Filem
Hantu Gangster (2012)
Tandatangan Pelajar :
Tarikh : Julai 2016

ABSTRAK

Latar belakang penelitian ini didasari oleh tarikan penulis terhadap kritikan sosial yang diterjemahkan ke dalam filem. Filem yang bersifat provokatif dilihat lebih serius dalam konteks kajian kritikan sosial di dalam filem. Kritikan sosial dalam filem merupakan suatu perkara yang sangat penting kerana filem merupakan sebahagian daripada cerminan masyarakat. Kajian ini cuba meneliti sebuah filem *Hantu Gangster* (2012), yang merupakan usaha Namewee mengambil pendekatan untuk mengkritik sosial masyarakat dan hegemoni di Malaysia dengan menghubungkan genre komedi serta merujuk kepada latar sejarah Malaysia sebagai metafora bagi menggambarkan kepincangan dan kritikan terhadap sosial masyarakat dan institusi yang terlibat. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Hantu Gangster* (2012) menerusi watak dan naratif yang dipaparkan serta menganalisis dan menginterpretasikan kritikan sosial berpandukan teori hegemoni. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu penulis mengumpul dan menganalisis data menerusi filem *Hantu Gangster* (2012).